

11 APR 1997

Sabbaruddin-MT

MT BINCANG ADUAN PENGGUNAAN WANG PADA PEMILIHAN CAWANGAN

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Ibu pejabat Umno telah menerima beberapa aduan mendakwa wujudnya politik wang pada beberapa pemilihan cawangan Umno yang sedang berlangsung.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan parti semalam membuat keputusan supaya aduan itu dibentangkan pada Majlis Tertinggi Umno yang akan bermesyuarat esok.

Jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima aduan daripada beberapa orang kononnya terdapat beberapa ketua cawangan "membeli undi" dengan menawarkan perwakilan pakej melancong ke Medan atau Hadyai, katanya.

"Perlu diingat bahawa aduan itu tidak semestinya benar tetapi memandangkan aduan dibuat, kita fikir MT perlu membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas majlis mengumumkan Tokoh Seni Negara di sini hari ini.

Jawatankuasa itu juga membuat keputusan untuk mengemukakan kepada Majlis Tertinggi esok mengenai masalah bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 yang belum diterima menganggotai Umno, katanya.

Sabbaruddin berkata setakat ini 13,000 bekas anggota S46 telah diterima sebagai anggota Umno .

Beliau berkata Majlis Tertinggi dijangka membuat keputusan mengenai 78,000 bekas anggota parti itu dari Kelantan yang memohon menyertai Umno melalui cawangan baru.

Umno hanya membenarkan cawangan baru ditubuh di kawasan yang belum mempunyai cawangan.

Mesyuarat semalam juga memutuskan untuk mengemukakan rayuan anggota Umno dari S46 untuk dibenarkan menghadiri mesyuarat agung cawangan yang sedang berlangsung sekarang. Majlis Tertinggi telah menetapkan 1 April hingga 15 Mei bagi cawangan mengadakan mesyuarat masing-masing.

Majlis Tertinggi juga menetapkan bahawa hanya anggota yang menjelaskan yuran keahlian pada atau sebelum 31 Jan lepas boleh menghadiri mesyuarat agung cawangan yang kali ini menyaksikan pemilihan.

"Hanya Majlis Tertinggi boleh menentukan sama ada mereka yang diterima sebagai ahli Umno selepas 31 Jan lepas boleh atau tidak untuk menghadiri mesyuarat agung kali ini," katanya.

Beliau berkata mesyuarat semalam juga membincangkan mengenai sambutan ulang tahun Umno tahun ini.

Antara acara utama pada perayaan sehari pada 11 Mei ini di Ibu Pejabat Umno di sini ialah amanat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dan Anwar selaku Timbalan Presiden parti.

Satu forum anjuran bersama Pergerakan Pemuda da Wanita Umno turut diadakan.

Mengenai Pusat Umno sebagai institusi latihan parti, Sabbaruddin berkata Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka membentangkan kertas kerja penubuhan pusat itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi esok.

Mengenai kad anggota Umno pula, beliau berkata ibu pejabat parti sedang merangka bentuk kad selain mendapatkan syarikat yang dapat mengeluarkan kad-kad itu.

Kad itu akan mempunyai nama anggota, nombor kad pengenalan, nombor keanggotaan, kod anggota, negeri, bahagian dan cawangan. -- BERNAMA

SJA MAI